

27/09/1998

Tawau beri sokongan padu kepada PM

TAWAU: Mesyuarat Jawatankuasa Umno Bahagian Tawau semalam sebulat suara menyatakan pendirian tegas sokongan padu kepada kepemimpinan Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, Umno Bahagian Tawau turut menyokong keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno yang memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim awal bulan ini, sambil menyifatkannya sebagai langkah terbaik menyelamatkan Umno.

Ketua Umno Bahagian Tawau, Datuk Abdul Ghapur Salleh, berkata pihaknya memberi kepercayaan penuh kepada Dr Mahathir dalam menangani kepemimpinan kerajaan dan parti.

"Mesyuarat menyokong penuh keputusan MT Umno memecat Anwar dan pada masa sama memberikan sokongan mutlak kepada kepemimpinan Dr Mahathir," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan di Bangunan Umno Tawau, di sini.

Mengenai persiapan pilihan raya negeri, Ghapur yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Merotai berkata, Umno Tawau sudah menggerakkan jenteranya di seluruh kawasan yang membabitkan 13 zon.

(END)